



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwpkb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

KANAK-KANAK 5 HINGGA 6 TAHUN SERTAI PERTANDINGAN MEWARNA BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN SEMPENA CSD KWP & AGENSI 2013

7 Jun 2013, Kuala Lumpur – YBhg. Datin Seri Utama Anggraini Sentiayki, isteri Menteri Wilayah Persekutuan hari ini meraikan kanak-kanak dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang menyertai Pertandingan Mewarna Bendera Wilayah Persekutuan sempena Program Hari Bersama Pelanggan / *Customer Service Day* (CSD) Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Agensi 2013.

Pelbagai inisiatif telah dibuat oleh KWP dalam memperkenalkan dan mempromosikan bendera Wilayah Persekutuan kepada orang ramai khususnya kepada warga Wilayah Persekutuan termasuk Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan yang diadakan pada setiap tahun semasa sambutan Hari Wilayah Persekutuan.

Sehubungan dengan itu, usaha dalam memperkenalkan bendera Wilayah Persekutuan tetap diteruskan melalui Pertandingan Mewarna Bendera Wilayah Persekutuan di kalangan kanak-kanak Wilayah Persekutuan yang diadakan pada hari ini. Program ini diadakan bertujuan untuk memupuk semangat cintakan Wilayah Persekutuan dan menggalakkan mereka mengenali dengan lebih dekat bendera Wilayah Persekutuan. Selain itu, pertandingan ini juga dapat menyemai nilai dan sikap saling menghormati, bertoleransi dan bantu-membantu dalam kalangan kanak-kanak tersebut.

Kanak-kanak yang menyertai pertandingan mewarna pada hari ini menerima pelbagai *goodies* sumbangan daripada *program partners* iaitu Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd., Glaxosmithkline Consumer Healthcare Sdn. Bhd., KFC Holdings (Malaysia) Sdn. Bhd. dan Alam Flora Sdn. Bhd. Kanak-kanak yang memenangi pertandingan ini akan menerima hadiah berupa wang tunai dan beberapa cenderahati lain yang disumbangkan oleh Berjaya Corporation Berhad dan Alam Flora Sdn. Bhd. Pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad turut memberikan perkhidmatan komuter secara percuma dari Stesen Petaling, Stesen Pantai Dalam dan Stesen Angkasapuri ke Stesen KL Sentral kepada kanak-kanak yang menyertai pertandingan mewarna pada hari ini.

Pihak kementerian akan tetap meneruskan usaha dalam memperkenalkan bendera Wilayah Persekutuan kepada orang ramai untuk melahirkan warga Wilayah Persekutuan yang mempunyai semangat patriotik yang tinggi dan seterusnya mencintai Malaysia.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan

7 Jun 2013

Kuala Lumpur